

04 FEB 1997

PASUKAN PETUGAS M'SIA-JEPUN NAK ATASI DEFISIT DAGANGAN

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Sebuah pasukan petugas Malaysia-Jepun telah ditubuhkan untuk mengkaji ketidak seimbangan dagangan di antara kedua-dua negara dan memberi tumpuan kepada mengatasi defisit dagangan yang dihadapi oleh Malaysia dalam hubungan dagangannya dengan Jepun.

"Ini adalah ekoran daripada perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto semasa lawatan beliau ke negara ini pada awal Januari lalu," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Pasukan Jepun akan diketuai oleh ketua pengarah Hal Ehwai Ekonomi Antarabangsa Kementerian Perdagangan dan Industri Kazamasa Kusaka manakala Malaysia oleh Ketua Setiausaha MITI Datuk Asmat Kamaluddin.

Pasukan petugas ini, yang kini sedang mengkaji syarat-syarat keutamaannya, akan mencari cara dan pendekatan yang positif bagi menyelesaikan masalah defisit dagangan, kata beliau kepada pemberita selepas mengagihkan sumbangan Hari Raya kepada pesakit kanak-kanak di Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur di sini.

Menurut beliau, inilah pertama kali pasukan petugas begini di tubuhkan atas dasar dua hala kerana pendekatan-pendekatan yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut sebelum ini dilakukan pada peringkat Asean.

Pasukan petugas ini akan mengadakan mesyuarat pertamanya tidak lama lagi dan mengemukakan laporan kepada kedua-dua buah kerajaan tentang pelbagai pendekatan yang boleh diambil oleh sektor awam dan swasta di samping inisiatif dua hala yang lain.

Dalam satu perkembangan lain, Rafidah mengumumkan bahawa Malaysia akan menganjur dan menjadi tuan rumah kepada Pameran IKS (Industri Kecil dan Sederhana) Asean dan Forum Perniagaan Asean-Asia Timur dari 10 hingga 14 Julai.

Katanya IKS merupakan sektor yang penting dalam ekonomi negara-negara Asean dan potensi yang tinggi wujud bagi memperluaskan hubungan global antara IKS Asean dan IKS dari Jepun, China dan Korea Selatan.

Pameran ini akan memperagakan keluaran, komponen dan alat ganti yang berpotensi untuk dikeluarkan oleh atau disub kontrak kepada IKS Asean manakala Forum Perniagaan itu pula akan memberi peluang mengadakan perbincangan tentang kemungkinan menubuhkan usaha niaga dan perangkaian. --
BERNAMA

SHO KY/sia